

££
B506
MAHATHIR

183

TANJUNG MALIM, 19 OGOS (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SUDAH SAMPAI MASANYA RANCANGAN LATIHAN PERGURUAN PERSEPADUAN DIKAJI SEMULA DEMI PENCAPAIAN MUTU PROFESYEN KEGURUAN UNTUK MENGHADAPI CABARAN DUNIA MODEN.

BERUCAP DI UPACARA PENYAMPAIAN SIJIL DI MAKTAB PERGURUAN IDRIS DISINI, DR. MAHATHIR BERKATA RANCANGAN TERSEBUT YANG DI LAKSANAKAN PADA TAHUN 1973 TELAH MENGELUARKAN KUMPULAN PERTAMA YANG SEKARANG MENGAJAR DI SELURUH NEGARA.

PARA LULUSAN YANG MENERIMA SIJIL HARI INI MERUPAKAN KUMPULAN YANG KEDUA YANG DILATIH DIBAWAH RANCANGAN ITU.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA KIRA-KIRA 10,000 ORANG AKAN DIAMBIL UNTUK MEMASUKI KURSUS PERGURUAN TAHUN DEPAN SEBAGAI LANGKAH MENGATASI MASALAH KEKURANGAN GURU.

+MASALAH INI SEDANG DIKAJI DENGAN TELITI DAN TENTU AKAN DAPAT DISELESAIKAN JIKA KITA BERSUNGGUH HENDAK MENAMBAH BILANGAN GURU DEMI KEPENTINGAN PELAJARAN ANAK-ANAK KITA,+

-- BERSAMRUNG 1035/S7

££

B507

MAHATHIR 2. TANJUNG MALIM

KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG BERUSAHA MENINGGIKAN LAGI MUTU PENDIDIK-PENDIDIK GURU DENGAN MENGADAKAN KURSUS DALAM PERKHIDMATAN, PIASISWA UNTUK GURU MELANJUTKAN PELAJARAN DAN SEUMPAMANYA.

TETAPI APA YANG LEBIH PENTING TIALAH GURU-GURU ITU SENDIRI MEMBUAT PENILAIAN, TEGURAN ATAU KRITIK DIRI SENDIRI YANG MERUPAKAN CARA YANG BERKESAN SEKALI UNTUK MENJAGA IMEJ DIRI DAN PROFESYEN KESELURUHANNYA.

DR. MAHATHIR BERHARAP PARA GURU YANG MULA MENCEBURKAN DIRI DALAM BIDANG PERGURUAN MEMATUHI SERTA MENGAMALKAN APA YANG TERKANDUNG DALAM TATASUSILA GURU SUPAYA CITA-CITA MURNI TATASUSILA MENJADI KENYATAAN DAN TIDAK MENJADI COGANKATA UNTUK DILAUNG-LAUNGKAN PADA HARI MESYUARAT DAN PERJUMPAAN SEMATA-MATA.

BELIAU BERHARAP PARA LULUSAN MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS, YANG TERBESAR DI NEGARA, SUPAYA BERUSAHA SEPENUH TENAGA UNTUK MENJADI PENDIDIK YANG BERDEDIKASI SERTA BERTANGGUNGJAWAB.

MEREKA PATUT JUGA MENERUSKAN PERJUANGAN DAN USAHA-USAHA YANG TELAH DIJALANKAN OLEH BEKAS GURU-GURU LEPASAN MAKTAB TERSEBUT.

-- BERNAMA 1040/S7

--
B631

MAHATHIR 3 TANJONG MALIM (SAMBUNGAN BERITA 507)

PENGARAH LATIHAN GURU, HAJI ALI BIN IBRAHIM BERKATA SEBANYAK \$1 JUTA AKAN DIUNTUKKAN BAGI MPSI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

DR. AWANG BIN HAD SALLEH, PRESIDEN PERSATUAN PELAJAR TUA MPSI BERHARAP HADIAH BAGI KEJAYAAN SEPERTI PELATIH TERBAIK BAGI BAHASA MALAYSIA DIADAKAN SEMULA DI MAKTAB ITU.

PENGETUA MAKTAB ITU, TUAN ISMAIL BIN TUAN MOHAMAD BERKATA MAKTAB ITU SEKARANG MEMPUNYAI SERAMAI 869 ORANG PELATIH DAN TELAH DIBUKA UNTUK PELATIH PEREMPUAN SEJAK TAHUN LALU. -- BERNAMA

HM 1750